

12/11/2001

Kontraktor ambil kesempatan punca projek gagal ikut jadual

KUALA LUMPUR, Ahad - Pemberian tender yang dibuat berdasarkan belas kasihan serta sikap kontraktor yang hanya mahu mengaut keuntungan atas angin adalah antara punca sesetengah projek gagal disiapkan mengikut jadual.

Presiden Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama), Datuk Moehamad Izat Emir, berkata sesetengah kontraktor berjaya mendapat kontrak kerana pertimbangan istimewa yang diberikan atas alasan untuk membantu mereka berjaya dalam perniagaan.

Bagaimanapun, katanya, sebahagian kontraktor terbabit tidak menghargai dan menghiraukan tujuan berkenaan, sebaliknya menggunakan kesempatan itu untuk mendapat wang secara mudah dengan menjual tender berkenaan kepada pihak lain.

"Kebanyakan mereka memang memasuki tender mengikut prosedur dan memenuhi kelayakan awal ditetapkan, tetapi apabila memperolehnya, mereka jual kepada orang lain.

"Tidak kurang juga yang mendapat tender itu atas sokongan pihak tertentu yang berpengaruh. Ini menyebabkan mereka tidak menghargai pemberian tender berkenaan," katanya mengulas amaran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan tidak akan memberi kontrak baru kepada syarikat atau kontraktor yang didapati menyerah atau menjual kontrak mereka kepada pihak lain.

Perdana Menteri dilaporkan berkata demikian ketika mengulas kenyataan Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, mengenai kegagalan hampir semua kontraktor membina makmal komputer di seluruh negara.

Moehamad Izat berkata, kontraktor yang terbabit dengan tindakan mengalibabkan kontrak masing-masing memang patut dimasukkan dalam senarai hitam dan tidak sepatutnya diberi ruang untuk mendapat projek kerajaan.

Katanya, jika golongan terbabit terus bersikap menagih simpati kerajaan tetapi tidak tahu menghargainya, sampai bila pun mereka tidak akan mencapai kejayaan dalam perniagaan.

"Tindakan ini bukan saja menghina kepercayaan yang diberikan oleh kerajaan, tetapi selalu juga subkontraktor yang memperolehi kontrak Bagi mengelakkan kejadian itu berterusan, beliau mencadangkan supaya kontraktor yang diberi tawaran ditemuduga sekali lagi untuk disemak rekod pencapaian peribadi atau syarikat mereka.

Katanya, jika ada di kalangan mereka yang tidak pernah menjalankan sebarang projek, sekurang-kurangnya jaminan hendaklah diperolehi daripada bank.

"Selain itu, usahawan atau syarikat yang pernah berurusan dengan mereka dan pekerja masing-masing juga perlu dirujuk kerana kedua-dua pihak ini boleh menceritakan prestasi kontraktor yang mendapat tawaran," katanya.

Selain itu, kontraktor baru patut digalakkan bergabung dengan kontraktor yang berpengalaman, tetapi mereka hendaklah memastikan pekerja masing-masing mendapat latihan supaya berlaku pemindahan teknologi.

Dengan itu, katanya, mereka dapat mempelajari cara menguruskan perniagaan dan projek daripada pihak yang berpengalaman.

Di samping itu, sebuah syarikat perunding perlu dilantik memantau pelaksanaan tender yang diperolehi, termasuk kawalan terhadap aliran keluar masuk kewangan.

(END)